

Rider Hospital & Pembedahan Tinggi Nilai

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Lembaran Pendekatan Produk menyediakan beberapa informasi penting yang harus anda ambil kira sebelum anda membeli polisi insurans perubatan yang memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya. Anda harus membaca kontrak tambahan insurans anda dengan teliti untuk butiran lengkap bagi perlindungan anda.

KETAHUI LEBIH LANJUT:



Langkah 1 Adakah rider ini sesuai untuk anda?

- Rider pembayaran premium ini melindungi perbelanjaan kemasukan hospital dan pembedahan yang dikenakan berasaskan bayaran balik atas sebab penyakit atau kecederaan akibat kemalangan yang dilindungi bawah polisi sehingga umur 65 hari jadi berikutnya.
- Premium-premium anda akan dikumpulkan bersama premium-premium pemilik polisi yang lain bagi membayar tuntutan-tuntutan. Jika jumlah tuntutan yang dibayar keluar dari kumpulan dana adalah tinggi, premium bagi semua pemilik polisi di dalam kumpulan yang sama mungkin meningkat, termasuk premium-premium anda **walaupun anda tidak membuat sebarang tuntutan.**

Langkah 2 Adakah ia memenuhi keperluan anda?

Apakah yang dilindungi?

- Pelan: Pelan 1
- Bilik dan Penempatan Hospital: RM100
- Yuran Pembedahan: RM10,000, tertakluk kepada jadual pembedahan

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah secara bayar dahulu, tuntutan kemudian dan tertakluk kepada:

- Had Manfaat Seumur Hidup: RM100,000

Apakah yang tidak dilindungi?

- Keadaan kesihatan yang pernah anda alami, atau pernah mengalami simptom-simptom, sebelum membeli pelan (contoh keadaan sedia ada)
- Penyakit tertentu (contoh tekanan darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular)
- Penyakit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak tambahan anda dengan teliti untuk butiran lengkap bagi perkara yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Langkah 3 Mampukah anda membayar peningkatan dalam premium dari semasa ke semasa?

Jadual Unjuran Premium

Umur Pada Hari Jadi Berikutnya	Premium semasa bagi umur yang dicapai (RM)	Jangkaan Premium	
		Berdasarkan inflasi perubatan iaitu 7% ¹ setahun (RM)	Berdasarkan inflasi perubatan iaitu 10% ² setahun (RM)
30	219.00	234.33	240.90
35	245.00	367.68	434.03
40	245.00	515.69	699.01
45	295.00	870.89	1,355.52
50	295.00	1,221.47	2,183.07


Dalam jangka masa panjang, anda boleh mengurangkan premium-premium yang perlu dibayar dengan memilih pelan-pelan dengan:

(a) Had Manfaat Seumur Hidup yang lebih rendah.

- Unjuran di atas hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Premium dipengaruhi oleh kedua-dua peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh pemilik polisi. Ini boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan sebenar lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di atas. Kami sedang menjalankan langkah-langkah pembendungan kos yang diperlukan dengan kerjasama pihak berkenaan yang lain untuk menguruskan kenaikan premium dari semasa ke semasa.
- Sebahagian besar premium disalurkan ke tuntutan. Secara purata, bagi setiap RM1.00 daripada premium yang dibayar, RM0.72² diperuntukkan untuk membayar tuntutan-tuntutan. Baki disalurkan untuk membayar komisen kepada ejen insurans, perbelanjaan pengurusan dan keuntungan syarikat insurans.

¹Ini adalah peningkatan tahun ke tahun dalam purata kos rawatan seperti yang dibilkan oleh hospital-hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023.

²Ini adalah berdasarkan purata data bagi industri insurans dan takaful dari tahun 2021 hingga 2023. Pengalaman sebenar bagi pelan yang telah anda beli mungkin berbeza daripada purata industri.



* Lain-lain termasuk Komisen, Perbelanjaan Pengurusan dan Keuntungan

Nota: Carta ini tidak dilukis mengikut skala

Langkah 4 Apakah perkara lain yang harus anda ketahui?

- Anda mesti menjawab soalan-soalan yang ditanya oleh kami dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil segala langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin akan menyebabkan penolakan tuntutan anda atau penamatan rider anda.
- Tempoh rider dan premium mungkin berubah bergantung kepada keperluan pengunderaitan MCIS Insurance Berhad.
- Jika anda membuat keputusan bahawa anda tidak mahu rider ini dalam tempoh 15 hari selepas penghantaran kontrak tambahan, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan rider anda dan menerima balik bayaran penuh premium yang telah dibayar ditolak dengan sebarang bayaran perubatan yang tanpa faedah kepada anda.
- Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari selepas rider berkuatkuasa/tarikh dikuatkuasakan semula bagi ketidakupayaan hayat yang diinsuranskan.
- Sekiranya anda dimasukkan ke hospital yang mana Bilik & Penempatan yang lebih tinggi daripada manfaat yang anda layak, anda hendaklah menanggung 20% daripada lain-lain manfaat yang layak seperti diterangkan dalam Jadual Manfaat.
- Komisen³ yang dibayar kepada ejen insurans ialah RM402.05 atau 27.84% daripada premium tahunan yang merupakan sebahagian daripada premium yang dibayar.
- Kadar premium adalah tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak semula kadar premium jika pengalaman tuntutan sebenar adalah lebih teruk daripada yang dijangkakan dengan memberikan anda notis bertulis 30 hari lebih awal.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur dan borang tuntutan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Untuk senarai panel hospital/pembekal perubatan yang terbaharu, sila rujuk laman web korporat kami di www.mcis.my, hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami atau mengunjungi cawangan yang terdekat dengan anda.

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila baca kontrak tambahan anda dengan teliti untuk butiran lengkap bagi terma dan syarat penting.

³ Angka-angka ini adalah berdasarkan premium semasa bagi umur yang dicapai.

Langkah 5 Adakah anda telah mempertimbangkan produk-produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Pilihan Produk

Nama	Cadangan Produk	Pilihan Produk Alternatif	
	Rider Hospital & Pembedahan Tinggi Nilai Rider Pembayaran Premium Pelan 1	Pilihan 1 M-Health Secure Pelan Tunggal Pelan 150	Pilihan 2 M-Health Secure Pelan Tunggal Pelan 150
Premium Tahunan	RM14,589.00 <i>Ini adalah termasuk premium tahunan bagi polisi insurans hayat asas</i>	RM2,586.87 <i>Premium tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM12,002.13</i>	RM2,074.25 <i>Premium tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM12,514.75</i>

Jenis	Bayar dahulu, tuntutan kemudian 'Anda bayar untuk rawatan dahulu dan tuntutan daripada kami kemudian'	Sama ada kemudahan tanpa tunai atau bayar dahulu, tuntutan kemudian Sama ada 'Kami bayar terus kepada hospital-hospital' atau 'Anda bayar untuk rawatan dahulu dan tuntutan daripada kami kemudian'	Sama ada kemudahan tanpa tunai atau bayar dahulu, tuntutan kemudian Sama ada 'Kami bayar terus kepada hospital-hospital' atau 'Anda bayar untuk rawatan dahulu dan tuntutan daripada kami kemudian'
Tempoh Perlindungan	Sehingga umur 65 'Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium adalah tidak dijamin'	Sehingga umur 100 'Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium adalah tidak dijamin'	Sehingga umur 100 'Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium adalah tidak dijamin'
Ko-insurans /Deduktibel	10% ko-insurans atau RM300, yang mana lebih tinggi. Maksimum bagi Mana-mana Satu Ketidakupayaan adalah sehingga RM1,500	RM500 deduktibel (Bagi Setiap Tahun Polisi)	RM5,000 deduktibel (Bagi Setiap Tahun Polisi)
Bilik dan Penempatan Hospital	RM100 setiap hari	RM150 setiap hari	RM150 setiap hari
Yuran Pembedahan	RM10,000	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj
Had Tahunan Keseluruhan	Tidak Berkenaan	RM1,000,000	RM1,000,000
Had Seumur Hidup Keseluruhan/Had Manfaat Seumur Hidup	RM100,000	Tanpa had	Tanpa had
▪ Deduktibel: Jumlah tetap yang anda perlu bayar sebelum perlindungan sebenar anda bermula. Contoh deduktibel RM500 bermaksud anda harus membayar RM500 daripada saku anda sendiri dan kami akan membayar baki selebihnya (sehingga had yang berkenaan). ▪ Ko-insurans: Peratusan tetap bagi caj perubatan yang anda harus bayar. Contoh 10% ko-insurans bermaksud anda hanya perlu membayar 10% daripada setiap bil perubatan (sehingga had yang berkenaan), dan kami akan melindungi 90%. ▪ Had Tahunan Keseluruhan: Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan dalam setahun. ▪ Had Seumur Hidup Keseluruhan/Had Manfaat Seumur Hidup: Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan sepanjang umur hidup anda.			

Jadual ini tidak merangkumi keseluruhan ciri-ciri produk yang dibandingkan. Sila bertanya kepada kami/ejen anda untuk maklumat lanjut mengenai perbezaan ciri-ciri produk tersebut.